

Headline	Halal Deals Asia portal usahawan Halal		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	22 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	459,793
Page No	10,19	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	701 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,848
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,544



Halal Deals Asia portal usahawan Halal

KONSEP portal pemasaran secara berkumpulan telah lama wujud di Internet bagi membantu mempromosikan produk selain 'menjodohkan' usahawan dan pengguna akhir.

Terdapat banyak portal pemasaran secara berkumpulan di Internet seperti Groupon, MyDeals, JackCow, BigSale dan Dealmates yang menawarkan kupon diskaun sehingga 90 peratus.

Bagaimanapun tidak banyak atau boleh dikatakan tidak wujud portal pemasaran produk halal di negara ini.

Pengarah Urusan Halal Deals Asia, Zaharah Imbran justeru mengambil langkah membina portal Halal Deals Asia bagi mengisi kekosongan yang wujud.

"Konsepnya sama dengan portal pemasaran berkumpulan yang lain iaitu terdapat produk untuk dipromosikan dengan kupon diskaun," katanya.

Pemegang Ijazah Sarjana Sains Teknologi Maklumat dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini berkata, pihaknya menyediakan portal berkenaan sebagai platform pemasaran bagi usahawan mempromosikan produk dan pelanggan boleh memesan terus daripada usahawan dan melihat produk lain melalui pautan yang ada.

Apa yang membezakan portal Halal Deals Asia dengan portal pemasaran kumpulan lain adalah produk yang dipasarkan mempunyai logo Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) kecuali barangan

elektronik.

"Buat masa ini, Halal Deals Asia sedang rancang mempromosikan portal berkenaan untuk penyertaan usahawan.

"Sebelum ini terdapat usahawan IKS yang mempunyai laman web tetapi mereka tidak tahu cara mempromosikannya," katanya.

Menurut Zaharah, segala produk di portal berkenaan mengikut garis panduan yang diberikan Jakim.

Portal yang akan dilancarkan secara rasmi pada bulan depan sedang dalam peringkat akhir pemilihan usahawan dan produk.

"Kami menasaskan usahawan bumiputera bidang industri kecil dan sederhana (IKS) bagi pasaran komuniti Islam," katanya.

Apa yang lebih menarik, iklan di dalam portal berserta dengan pautan adalah percuma dan caj hanya dikenakan bagi setiap transaksi produk yang berjaya dijual.

"Lebih tepat lagi, tujuan Halal Deals Asia adalah memberikan pautan laman web usahawan kepada pengguna akhir," katanya.

Semua produk yang ada dalam portal berkenaan akan dijual dengan diskaun antara 40 hingga 90 peratus.

Promosi berlangsung selama satu hingga dua minggu manakala tempoh penggunaan baucer sehingga sebulan.

Ditanya mengenai aduan yang mungkin dibuat oleh pelanggan, Zaharah berkata, semua urusan adalah antara usahawan dengan pelanggan.

"Tetapi jika terlalu banyak aduan

dibuat kepada usahawan yang sama, langkah terakhir mungkin laman web usahawan berkenaan akan dikeluarkan daripada portal Halal Deals Asia," katanya.

Sehingga kini, Halal Deals Asia telah menjalankan promosi di pameran seperti MIHAS, laman sosial Facebook dan Twitter serta media cetak.

Pada masa akan datang, promosi akan dilakukan semasa pameran Halfest, Herbal Asia dan MATTA.

"Pihak kami menasaskan portal Halal Deals Asia bakal menjadi antara enam portal pemasaran kumpulan terbesar di negara ini," katanya.

Justeru bagi meningkatkan lagi sambutan Halal Deals Asia, pihaknya akan menjalin kerjasama dengan pihak kerajaan bagi membangunkan laman web usahawan IKS.

Laman e-dagang *one stop solution* bertujuan membantu usahawan IKS membina laman web sendiri.

Program *one stop solution* ini menyediakan pembangunan laman web e-dagang termasuk modul tempahan melalui transaksi secara dalam talian di dalam peranti mudah alih untuk *Business-to-Business* (B2B) dan juga perumah web.

"Pembinaan laman e-dagang *one stop solution* bagi usahawan akan dilakukan secara berterusan," katanya.

Kedua-dua portal Halal Deals Asia dan e-dagang *one stop solution* akan dilancarkan bulan depan.

Usahawan yang berminat boleh menghantar e-mel kepada enquiry@halaldealsasia.com

“

Konsepnya sama dengan portal pemasaran berkumpulan yang lain iaitu terdapat produk untuk dipromosikan dengan kupon diskaun



ZAHARAH IMBRAN

Headline	Halal Deals Asia portal usahawan Halal		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	22 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	459,793
Page No	10,19	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	701 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,848
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,544

www.halaldealsasia.com

HalalDeals Asia

Deal in **Kuala Lumpur**

Enter your email address here... Select your City

TODAY'S DEAL RECENT DEALS ACTIVE DEALS UPCOMING DEALS HOW IT WORKS

Today's Deal: **Luxuriously Boxed Gourmet Dates**
(Sample deal)

RM150

Value	Discount	Save
RM250	40%	RM100

Buy it for a friend!

0 bought

1 more needed to get the deal

Time Left To Buy

Spread it! [Twitter](#) [Facebook](#) [Email](#)

The Fine Print

Highlights

TODAY'S SIDE DEAL

MC Sensation - A Multimedia perphone (Sample deal)

MY CART

You have no items in your shopping cart.

BACK TO SCHOOL

Keep your eyes open for our special Back to School items and save BIG!

CONTOH laman web Halal Deals Asia yang bakal dilancarkan secara rasmi pada Mei depan.